



**KEMENTERIAN KEMAJUAN  
LUAR BANDAR DAN WILAYAH  
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di dalam bidang berkaitan dan pendaftaran masih lagi berkuat kuasa bagi tawaran seperti berikut :-

BIL.	NO.RUJUKAN SEBUT HARGA	JENIS TAWARAN	KOD BIDANG	CATATAN
1	S08/2018	<b>SEBUT HARGA MEREKA BENTUK, MENAIKTARAF, MIGRASI DATA, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI PORTAL RASMI JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)</b>	210103; 210104; 210106; 210107 dan ePerolehan <i>enabled</i>	Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai 24 April 2018 melalui laman web <b>MyProcurement</b> dan akan ditutup pada 1 Mei 2018 jam 12.00 tengah hari

1. Sebut Harga ini akan dijalankan secara atas talian sistem eP/MyProcurement. Penyebut harga perlu menyerahkan dokumen tawaran secara talian dan mock up secara emel kepada Jabatan ini. Diingatkan agar penyebut harga menyemak **HARGA TAWARAN DAN TEMPOH PEMBEKALAN** adalah **SAMA** sebelum mengunci masuk ke dalam sistem dan pada dokumen yang dilampirkan. Pihak Jabatan berhak untuk memilih mana-mana harga tawaran yang lebih rendah jika berlaku sebarang perbezaan.
2. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah di muat naik dalam system eP sebelum tarikh tutup iklan.
3. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima seperti yang telah dinyatakan pada para 2 tidak akan dipertimbangkan.

4. Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800.00 bagi pesanan yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.